



KENALI OTAK UNTUK CEMERLANG



Assalamualaikum, selamat sejahtera dan salam perkenalan. Saya Cikgu Kamil, pengasas Superneuron® dan penulis buku *bestseller* "Rahsia Jadi Genius Di Sekolah."
Syukur Alhamdulillah tahun ini impian saya untuk berkongsi inspirasi bersama peminat Fokus SPM menjadi kenyataan. Terima kasih kepada Fokus SPM di atas peluang yang diberikan. Sudah tentu saya akan menggunakan peluang ini untuk memberikan yang terbaik khusus untuk peminat Fokus SPM yang disayangi.
Tertebih dahulu saya nak ucapkan Selamat tahun baru 2014 kepada

kamu semua. Semoga 2014 bakal menjadi tahun yang paling bahagia dan berjaya sepanjang hidup kamu. Dalam pertemuan yang pertama ini saya berminat untuk bercakap tentang otak kerana ia sangat penting untuk difahami. Bila kamu tahu hebatnya otak kamu, faham cara otak bekerja, kamu sebenarnya sudah separuh jalan untuk cemerlang di dalam SPM.
Sebelum pergi lebih jauh, saya nak tanya dahulu satu soalan penting. Apa pendapat kamu tentang otak yang kamu miliki?
A SANGAT HEBAT
B HEBAT
C SEDERHANA
D LEMAH.

Tak kisahlah apa pun jawapan kamu. Tidak ada jawapan yang salah. Tapi kalau kamu tanya saya, dengan penuh yakin dan tanpa ragu-ragu saya akan jawab "Otak anda sangat hebat". Dengan otak yang kamu miliki itu, kamu PASTI BOLEH CEMERLANG di dalam SPM. Siapa yang tidak cemerlang maknanya ada sesuatu yang tak kena pada sikap dan kepercayaan mereka. Bukan sebab otak atau ingatan mereka lemah.
MANUSIA ADALAH CIPTAAN TERHEBAT
Saya bukan cakap kosong atau sekadar untuk menyedapkan hati.



Sel neuron sangat istimewa, ia dicipta dengan kebolehan untuk berkomunikasi dan berhubung dengan sel neuron yang lain.

Setiap satu sel neuron mampu berhubung dan bergabung dengan 15,000 sel neuron yang lain. Lebih banyak sel-sel ini berkomunikasi dan membentuk jaringan di antaranya, tebih bijaklah kamu dalam sesuatu pelajaran atau kemahiran yang dipelajari.

Saya bercakap berdasarkan bukti daripada Al-Quran. Allah S.W.T sendiri mengakui dan mengiktiraf kita sebagai ciptaan Nya yang terbaik (*the best*). Allah berfirman dalam surah at-Tin ayat 4 maksudnya. "Aku telah jadikan manusia itu dengan sebaik-baik kejadian."
Bayangkanlah diri kita lebih hebat daripada bulan, matahari, bintang, jin, malaikat, syaitan, binatang, tumbuhan, serangga dan semua makhluk Allah S.W.T yang ada di alam semesta ini. Dengan kehebatan itu, adakah kamu masih ragu-ragu untuk cemerlang dalam SPM nanti?
Mengapa Allah hanya mengiktiraf MANUSIA sebagai ciptaanNya yang terbaik? Tidak lain tidak bukan kerana manusia Allah kurniakan otak yang hebat, luar biasa dan tiada tandingan. Bagaimana otak manusia dikatakan hebat, luar biasa sehingga tiada tandingan?
Menurut kajian, setiap manusia memiliki sejumlah 100 bilion sel otak yang dipanggil "neuron". Sel neuron adalah ASET manusia YANG PALING BERHARGA. Ini bermakna sejak lahir Albert Einstein, Ibnu Sina, Bill Gates, pemandu lori, tukang kebun dan pengemis jalanan memiliki JUMLAH ASET yang sama. Inilah salah satu bukti besar yang menunjukkan Allah itu Maha Adil kepada setiap hamba-hambaNya.
Sel neuron ini sangat istimewa kerana ia memiliki satu kelebihan yang

tidak ada pada sel-sel organ badan yang lain. Sel-sel lain tidak boleh berkomunikasi dan berhubung sesama sendiri. Tetapi sel neuron dicipta dengan kebolehan untuk berkomunikasi dan berhubung dengan sel neuron yang lain.
15 RIBU SEL NEURON MENANTI UNTUK DIJARINGKAN
Menurut Dr John Medina dalam bukunya *Brain Rules*, setiap satu sel neuron boleh berhubung dan bergabung dengan 15,000 sel neuron yang lain. Lebih banyak sel-sel ini berkomunikasi dan membentuk jaringan di antaranya, maka tebih bijaklah kita dalam sesuatu pelajaran atau kemahiran yang kita pelajari.
Contohnya, jika kamu kurang cemerlang dalam topik matematik algebra, ini bermakna gabungan dan jaringan sel-sel neuron yang berkaitan dengan algebra masih belum cukup untuk membuatkan kamu faham dan menguasai topiknya. Jad' untuk pandai, kamu kenalah banyak mengulang-kaji, bertanya dan banyak buat latihan. Semasa proses pembelajaran itu berlaku, tanpa kamu sedari sel-sel neuron kamu akan membuat penyambungan dan jaringan-jaringan baru yang akhirnya akan menjadikan kamu mahir dalam algebra.
Jika kamu kurang mahir menggelecek bola, ini bermakna jaringan dan gabungan sel-sel

neuron motor yang mengawal setiap pergerakan berkaitan menggelecek bola masih belum cukup. Jadi, kamu kenalah berlatih secukupnya menggelecek bola. Semasa kamu berlatih nanti, barulah sel-sel tersebut akan bergabung dan membentuk jaringan yang membolehkan kamu menggelecek bola dengan baik.
Dengan gabungan dan jaringan sel-sel neuron, nasib pemandu lori, tukang kebun dan pengemis boleh berubah menjadi hebat Albert Einstein, Ibnu Sina dan Bill Gates. Dengan gabungan dan jaringan sel-sel neuron, kamu pun boleh menjadi pemain bola sehebat Neymar atau Lionel Messi. Boleh berlari se pantas Usain Bolt, memasak macam Juara Master Chef dan sebagainya.
Pendek kata, jom sama-sama kita bersyukur dengan otak luar biasa yang kita miliki. Masih ragu-ragu untuk skor semua A dalam SPM nanti? Tepuk tangan dan tanyalah diri sendiri. Selamat memulakan sesi persekolahan 2014 dan jumpa lagi bulan depan.

Psychology - General
Pg: 54-55